

Padankan Teknik Plot dengan peristiwa yang betul.

Teknik dialog

Teknik monolog

Teknik kejutan

Teknik imbas muka

Teknik saspens

Teknik pemerian

Teknik konflik

Teknik imbas kembali

1. → Dialog antara Dahlia dengan adiknya, Melati iaitu Dahlia menyuruh Melati membeli susu tepung secara hutang di kedai taukeh Lim
2. → Embong bermonolog tentang harapannya terhadap kesihatan Saleha yang dirasakan sudah sembuh sepenuhnya dan akan pulang ke pangkuan keluarga dalam masa terdekat.
3. → Pengarang memerihalkan tingkah laku pelajar perempuan sewaktu melihat Dahlia dan Azhari sedang minum di kantin sekolah.
4. → Embong teringat kembali akan kata-kata Saleha yang memberitahunya tentang bayang-bayang yang mengejarnya dan suara-suara pelik yang menghantui hidupnya.
5. → Dahlia membayangkan wajah ibunya seakan-akan menjerit memanggilnya sewaktu dia datang menjenguk ibunya di Hospital Permai Johor Bahru
6. → Banjir kilat telah menenggelamkan anak-anak tangga dan mencecah lantai rumah Embong sedangkan penyelamat belum tiba. Pembaca tertanya-tanya akan nasib Nek Kiah dan keluarga Embong sekiranya rumah mereka roboh.
7. → Nek Kiah menghadiahi Dahlia seutas gelang pusaka miliknya pada hari pertunangan Dahlia dan Azhari. Pembaca terkejut apabila Nek Kiah sanggup menghadiahkan warisan pusaka itu kepada Dahlia.
8. → Konflik antara Nek Kiah dan Embong berlaku apabila ibu mertuanya itu tidak merestui perkahwinannya dengan Saleha kerana Embong tidak berharta, anak dagang dan yatim piatu.